

Tun Abdul Razak seorang bapa, sahabat dan pemimpin

Date: 15-05-2005

Author: MAZLAN NORDIN

KADANGKALA kisah riwayat hidup seseorang tokoh politik tidak memberi gambaran sepenuhnya, apatah lagi bila ditulis oleh pengampu atau pembikin fitnah. Lalu pertanyaan demi pertanyaan timbul daripada para pembaca yang membuat pertimbangan.

Mengisi pelbagai kekosongan ialah keterangan daripada pihak-pihak lain yang mengenalinya dan keluarganya sendiri, yang mengetahui pendiriannya mengenai pelbagai hal. Contohnya ialah buku berjudul Tun Abdul Razak: A Personal Portrait (Utusan Publications & Distributors).

Daripada anaknya, Datuk Seri Mohd. Najib ialah cerita berikut: "Saya teringat semasa kami kanak-kanak dulu, kami ingin sekali adanya sebuah kolam renang. Tetapi kira-kira sebulan lamanya beliau memikirkannya, hingga seksa menunggu, sebelum akhirnya, beliau menolak permintaan kami. Setelah meneliti beberapa anggaran belanja yang diajukan oleh Jabatan Kerja Raya, beliau akhirnya memberitahu, "Tidak. Saya tak mahu. Nanti apa orang kata?"

"Beliau berpandu kepada petua ini hingga menidakkan pelbagai yang diinginkan oleh keluarga supaya jangan nanti orang bercakap. Kerana itu orang melihatnya sebagai seorang yang sederhana keinginannya."

Akrab dengan Razak dari muda lagi ialah Ghazali Shafie yang tajam mulutnya. Daripadanya cerita berikut: "Waktu itu kami sedang baring di rumah saya di Kuala Lipis. Ibu saya yang begitu sayang kepada Razak, lalu memberi kami satu nasihat.

"Di antara kau kedua-dua ini, hanya seorang saja boleh jadi kemudi."

"Maka kami pun membuat janji yang kami patuhi sepanjang umur."

Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah pula teringat betapa Razak ketika berumur 29 tahun melepaskan jawatan Setiausaha Negeri Kerajaan Pahang untuk aktif dalam UMNO.

"Itu bukan saja satu pengorbanan besar. UMNO di waktu itu bukan organisasi yang kuat dan cuma kerap mengadakan mesyuarat menentang kerajaan penjajah. Tidak banyak orang kenamaan Melayu sanggup masuk UMNO waktu itu kerana masa depannya tidak menentu," katanya.

Masa berlalu dan Razak kemudian menjadi Pengarah Mageran yang berkuasa sekali dan Ketua Majlis Penasihat Kebangsaan, pengganti Parlimen, selepas tragedi 13 Mei dan Perlembagaan digantung. Tan Sri Lee Siew Yee, Ketua Pengarang Kumpulan Straits Times mengingatkan kembali pesanan Razak: "Tujuannya (majlis) ialah bekerja untuk membubarkan diri sendiri kelak, sebagaimana tugas saya ialah untuk melepaskan diri dari tanggungjawab ini. Saya jadi diktator. Saya memerintah dengan mengeluarkan perintah. Ia urusan yang tidak menyenangkan dan lebih cepat ia ditamatkan lebih bagus lagi.

"Kecuali kita memulihkan kuasa kepada yang sewajarnya, kepada rakyat melalui Parlimen maka segala perjuangan untuk kemerdekaan, perjuangan

melawan komunis, sesia belaka.''

Akhirnya Parlimen dipulihkan dalam masa hanya 20 bulan sahaja.

Juga akrab dengan Razak ialah Des Alwi, anak angkat Perdana Menteri Indonesia, Sutan Shahrir dan wakil Presiden Mohammad Hatta. Razak ketika itu menjadi salah seorang ketua para pelajar di London dan berusaha menemui kedua-dua pemimpin Indonesia itu untuk mengikrarkan sokongan kepada perjuangan kemerdekaan Indonesia.

Des Alwi (digelar Ribut) masih teringat kisah nakalnya dengan Tengku Eddy mendapati mereka tidak cukup wang untuk membayar bil. Maka Tengku Eddy terpaksa menunggu di restoran sementara Des Alwi mendapatkan wang tambahan. Beliau kemudian segera menemui Razak. Cerita bersambung.

Merayu

"Sebaik tiba di hotel pukul 3 pagi saya terus bangunkan Razak. Saya merayu kepadanya: "Tolong pinjamkan saya lima paun. Tengku Eddy sedang ditahan di restoran."

"Saya tak peduli,'" Razak menjawab sambil merungut. "Sudahlah kau senyap-senyap keluar dan tidak mengajak saya. Sekarang kau dalam kesusahan, saya pula kena tolong.'"

"Kasihaniilah Tengku Eddy," saya menjawab.

"Kalau tidak dia terpaksa pergi ke dapur cuci pinggan.'"

"Biarkan,'" Razak menjawab. "Saya akan minta dia balik saja ke London esok.'"

"Janganlah begitu,'" saya terus merayu, "kalau tidak kami bermalam di lokap nanti.'"

"Akhirnya Razak memberi saya lima paun sambil berkata: "Ingat Ribut, kau hutang aku lima paun.'" Tamat cerita.

Des Alwi kemudiannya memainkan peranan dalam usaha menamatkan konfrontasi Indonesia setelah wujudnya Malaysia. Lebih terlibat ialah Jeneral Benny Moerdani kemudian Menteri Pertahanan Indonesia. Beliau masih ingat betapa Razak berkali-kali berpesan supaya Moerdani sentiasa membuat laporan kepada Presiden Suharto mengenai pelbagai rundingan sulit.

Bagi Tun Ghafar Baba ialah kenangan sedih pada hari-hari terakhir Tun Razak.

Beliau menulis: "Saya begitu sedih sekali bila mengenangkan hari-hari terakhir pemimpin kita itu. Beliau meninggal dunia di negara orang. Beliau merasihkan sakit yang dihadapinya. Beliau tidak mahu menyusahkan orang lain. Beliau menderitanya sakit seorang diri. Hatta dalam kesakitan pun beliau menjalankan tugas-tugasnya untuk rakyat dan negara, siang dan malam.

"Saya mendapat alamat pada hari beliau meninggal. Saya bermimpi seorang lelaki tua berjubah putih menghampiri dan memberitahu saya ada sahabat akan meninggal dunia. Saya terkejut dan terus bangun."

Ghafar pergi ke rumah Tun Hussein Onn untuk menunggu berita dari London. Cerita bersambung: "Dalam keadaan cemas itu Ghazali Shafie datang memberitahu, Tun Razak sudah tiada lagi. Mata Hussein Onn merah dan saya sendiri tidak dapat berkata apa-apa. Saya terus ke bilik air dan melalak menangis."

Tengku Razaleigh juga masih ingat bahawa semasa Tun Razak meninggal dunia beliau tidak meninggalkan harta kekayaan. "Namun, diwarisi daripadanya ialah khidmat taat setia kepada negara."

Beliau menambah: "Tiada pembangunan masa kini yang boleh dipisahkan daripada Tun: Petronas, Felda, Mara, Pernas, Dasar Ekonomi Baru, Bank Bumiputra, Dasar Kerajaan, Dasar Pembangunan Luar Bandar, beberapa universiti tempatan (termasuk UKM) dan banyak lagi."

Seperti dicatat oleh Tan Sri Lee Siew Yee: "Manakala beliau disemadikan, rakyat Malaysia kehilangan seorang pemimpin besar, seorang yang lurus dan seorang yang baik hati."

Tukang catat ini mengulangi doa: "Semoga Tuhan mencucuri rahmat ke atas rohnya."

1 Penulis ialah Karyawan Tamu Universiti Kebangsaan Malaysia.

(Source : Utusan Malaysia)